

Kongres PKR: Rumah tak siap pahat berbunyi?
Malaysiakini.com
November 25, 2010

Selepas sebulan pemilihan yang penuh 'kontroversi', kongres tahunan PKR mulai esok dijangka menjadi ibarat 'rumah siap pahat berbunyi'.

pkr congress agm kota baru 300510 crowdSemua mata kini tertumpu sama ada parti pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isterinya Datuk Seri Wan Azizah Ismail berjaya menteramkan kemarahan sebilangan anggota parti, sekali gus memulihkan perpaduannya demi menghadapi pilihan raya umum ke-13.

Sehubungan itu, menurut Pengarah Strategi PKR Tian Chua, perwakilan dijangka menyentuh soal keperluan parti kembali kepada agenda asal.

Bagaimanapun, sama ada wujud ejek-mengejek sesama 2,460 perwakilan berhubung isu 'pengkhianat' atau 'kuda Trojan' (musuh dalam selimut) yang sering dibangkitkan pemimpin kanannya, Tian berpendapat politik dalam sudah tamat.

hulu selangor by-election voting day 250410 tian chua"Politik biasanya berlaku sebelum kongres. Jadi bila tiba saatnya berkongres, politik itu sudah tamat dan kita kena hadapi realiti," katanya sambil mengharapkan perwakilan boleh menunjukkan kematangan mereka.

Kata Tian (kiri), seperti biasa, mood optimis akan mewarnai atmosfera di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), tempat mereka bersidang.

Sementara itu, pemerhati politik berpendapat, pertembungan antara penyokong tegar Azmin Ali dan Datuk Zaid Ibrahim – yang bertembung pada awal persaingan kerusi timbalan presiden – tidak dapat dielakkan.

Perwakilan tak mampu disekat

Bagaimanapun, bagi Azmin – yang menang bergaya sebagai timbalan presiden – tidak sahaja menghadapi pengikut setia Zaid.

"Mereka tidak semestinya pro-Zaid. (Tetapi) masih ramai antara perwakilan yang tidak sukakan Azmin. Saya rasa Azmin pun turut dihentam," kata sumber parti.

azlan"Sudah tentu mereka diingatkan tidak fokus pada personaliti, sebaliknya lihat pada gambaran lebih besar. Tetapi jika perwakilan tetap mahu mengkritik pemimpin tertentu, tiada yang mampu menyekatnya."

Sementara itu, sebagai parti pertama di Malaysia yang mengadakan pemilihan langsung kali pertama, pelbagai aduan salah laku dan salah tadbir muncul.

Isu ini dipandang berat oleh tokoh-tokoh yang bertanding, terutamanya oleh 'kem bukan Azmin' seperti Zaid dan Mustaffa Kamil Ayub.

Malah Isnin lalu, laporan calon Ketua Pemuda PKR (AMK) Badrul Hisham Shaharin yang diserahkan kepada presidennya Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail kini tersebar meluas di internet.

NONEBagi pemerhati politik ini, sudah tentu isu itu sukar dianggap telah selesai.

Golongan yang tidak berpuas hati ini hanya bergantung harap pada anak sulung Anwar Nurul Izzah Anwar ,yang mana beliau dijadual menjadi salah seorang pembahasnya.

Ini kerana ahli parlimen Lembah Pantai pernah hadir ke program membincangkan aduan salah laku dan salah tadbir pemilihan yang dianjurkan oleh Badrul Hisham sebelum ini.

Masih belum diketahui beliau akan terlibat membahaskan usul apa, tetapi beliau pastinya ingin keluar daripada bayang-bayang bapanya, apatah lagi setelah dikatakan mendapat undi terbanyak untuk kerusi naib presiden.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/149130>